



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



---

**SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH  
JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK  
BIL. 4/2015**

**TADBIR URUS JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPIC) DAN  
TATACARA MEMOHON KELULUSAN TEKNIKAL INISIATIF  
ICT JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK, KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA**

---

## 1. TUJUAN

Panduan ini dikeluarkan untuk menerangkan mengenai tadbir urus Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) serta tatacara memohon kelulusan teknikal inisiatif ICT Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia (ICT).

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Sebelum penggabungan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi menggunakan tatacara permohonan teknikal inisiatif ICT yang berbeza.
- 2.2 Seiring dengan penggabungan Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi, Pekeliling ICT KPM Bilangan 1 Tahun 2014 – Tadbir Urus Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Pendidikan Malaysia (JPICT KPM) disediakan bagi menggantikan Pekeliling ICT Bilangan 2 Tahun 2009 Tadbir Urus Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian Pelajaran Malaysia.
- 2.3 Berikut adalah tatacara yang perlu dipatuhi oleh semua Jabatan/Agensi dalam memohon kelulusan teknikal berhubung dengan inisiatif ICT iaitu:
  - (a) Had nilai inisiatif ICT di KPM yang memerlukan kelulusan teknikal Jawatankuasa Teknikal ICT MAMPU (JPICT MAMPU) atau JPICT KPM;
  - (b) Jenis skop inisiatif ICT di KPM yang memerlukan kelulusan teknikal;
  - (c) Tatacara permohonan kelulusan teknikal inisiatif ICT;
  - (d) Pelaporan kemajuan inisiatif ICT yang diluluskan oleh JPICT MAMPU atau JPICT KPM;
  - (e) Pelaporan kemajuan inisiatif ICT yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan/Agensi; dan
  - (f) Tempoh sah laku kelulusan teknikal ICT.

## 3. PEKELILING YANG BERKUATKUASA

Ketetapan di dalam Pekeling ICT KPM Bil.1 2014 Para 3 (3.3.2) Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan/Agensi dan Badan Berkanun di bawah KPM, Surat Pekeliling ICT KPM Bil. 1 Tahun 2014 , Para 3 (3.1), Para 4 (4.1) dan Pekeling Perbendaharaan Malaysia PK 3.2/2013 Para 7.3 Kebenaran MAMPU adalah seperti berikut:

### Para 3 (3.3.2)

"bertanggungjawab menyelaras hala tuju dan strategi pelaksanaan ICT, mengenalpasti dan mencadangkan sumber-sumber ICT, menyelaras, memantau dan menyeragam pelaksanaan program/projek ICT serta mempertimbangkan kelulusan teknikal perolehan ICT di peringkat jabatan/agensi masing-masing dengan had nilai yang dibenarkan."

**SP ICT KPM Para 3 (3.1)**

"Had Nilai dan Kuasa Meluluskan adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Had Nilai	Kuasa Meluluskan
1.	Perolehan Pembangunan Sistem Aplikasi	Sehingga RM50,000	JPICT Badan Berkanun
		Kurang daripada RM500,000	JPICT KPM
		RM500,000 atau lebih	JPICT KPM atau JTICT MAMPU
2.	Perolehan Yang Tidak Melibatkan Pembangunan Sistem Aplikasi (Contoh: - Perkakasan ICT - Perisian ICT - Perkhidmatan ICT )	Sehingga RM50,000	JPICT Jabatan / Agensi dan Badan Berkanun atau Urus setia JPICT KPM
		Lebih daripada RM50,000 dan kurang daripada RM500,000	Urus Setia JPICT KPM atau JPICT Badan Berkanun
		RM500,000 dan kurang daripada RM3 Juta	JPICT KPM
		RM3 Juta atau lebih	JPICT KPM dan JTICT MAMPU
3.	Perkhidmatan Rangkaian	Kurang daripada RM500,000	Urus Setia JPICT KPM
		RM500,000 dan kurang daripada RM3 juta	JPICT KPM
		RM3 Juta atau Lebih	JPICT KPM dan JTICT MAMPU
4.	Perkhidmatan Perunding ICT	Tiada Had Nilai	JPICT KPM dan JTICT MAMPU

**SP ICT KPM Para 4 (4.1)**

"Semua jabatan/agensi adalah dikehendaki mematuhi Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Inisiatif KPM dan bertanggungjawab mengambil tindakan-tindakan berikut:

- Memastikan peruntukan kewangan telah diperolehi dan mencukupi bagi pelaksanaan projek;
- Mendapat kelulusan teknikal perolehan ICT daripada JPICT MAMPU, JPICT KPM atau JPICT Jabatan/Agensi masing-masing bagi semua perolehan mengikut had nilai yang ditetapkan;
- Mematuhi tatacara memohon kelulusan teknikal perolehan ICT seperti yang ditetapkan di dalam garis panduan."

**PK 3.2/2013 Para 7.3**

"Semua perolehan ICT yang memerlukan perkhidmatan perunding secara outsourcing hendaklah mendapat kebenaran MAMPU. Semua permohonan kepada MAMPU hendaklah melalui JPICT Kementerian."

**4. ARAHAN PELAKSANAAN**

Dengan Surat Arahan Ketua Pengarah ini, **SEMUA kaedah permohonan kelulusan, tadbir urus jawatankuasa pemandu ICT (JPICT) hendaklah dibuat mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.**

**5. KUATKUASA**

Arahan ini berkuatkuasa serta-merta dan sah selagi Pekeliling yang dinyatakan di Para 3 tidak pinda atau dibatalkan.



(YBHG. DATUK HJ. MOKLIS BIN JAAFAR)

KPT/ JPP/BKP(S)/07/01/025(4)

16 Januari 2015